

Elemen Multimodaliti Dalam Karya Kartun Menerusi Mod Linguistik Dan Mod Visual

Multimodalities Element In The Cartoon Work Through Linguistic Modes And Visual Modes

*Nur Izzati binti Abdullah**

**zatyhafiz@gmail.com*

Anida binti Sarudin

anida@fbk.upsi.edu.my

Zulkifli Osman

zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Husna Faredza Mohamed Redzwan

husna.faredza@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Received: 11 September 2020; Accepted: 25 September 2020; Published: 12 October 2020

Cite this article (APA): Abdullah, N. I., Sarudin, A., Osman, Z., & Mohamed Redzwan, H. F. (2020). Elemen Multimodaliti Dalam Karya Kartun Menerusi Mod Linguistik Dan Mod Visual. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 8(2), 28-39. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/126>

ABSTRAK

Dalam kartun, makna dan mesej dihasilkan sama ada melalui dua mod semiotik, iaitu lisan dan visual atau semata-mata melalui mod visual. Interaksi antara bahasa dan imej kartun sering dianggap sebagai cara yang langsung dan mudah diproses untuk menyampaikan mesej. Kajian ini bermatlamat untuk menunjukkan bahawa makna dan mesej kartun tidak selalu mudah untuk difahami sepenuhnya, oleh sebab itu pembaca harus memerhatikan maklumat bahasa dan visual bagi setiap kartun. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti mod linguistik dan mod visual yang terdapat dalam kartun bagi menyampaikan makna serta mesej yang tersurat mahu pun yang tersirat. Untuk tujuan ini, dua teori digunakan; teori Sistemik Fungsional Linguistik oleh Halliday (1994) bagi menganalisis mod linguistik dan pendekatan multimodal oleh Kress dan Van Leeuwen (1996, 2006) bagi menganalisis mod visual atau imej dalam kartun. Data kajian diperoleh daripada buku kartun *Usik-Usik (Koleksi Sinikal Dunia Pendidikan)*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa teks bahasa merupakan mod linguistik yang bertindak sebagai elemen multimodal yang berkesan dan menjadi pelengkap kepada mod visual yang terdapat pada karya kartun. Seterusnya, dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa peranan mod linguistik adalah untuk menyediakan konteks dalam karya kartun sebagai maklumat tambahan supaya pembaca dapat memahami mesej yang hendak disampaikan dengan lebih jelas.

Kata kunci: mod linguistik, mod visual, Teori Linguistik Sistemik Fungsional

ABSTRACT

In cartoons, meanings and messages are generated either through two semiotic modes that are verbal and visual or solely through visual modes. Interaction between language and cartoon images is often regarded as a straightforward and easy-to-process way to convey a message. This study aims to show that the meaning and cartoon messages are not always easy to understand, therefore readers should observe the language and visual information of each cartoon. This study is aimed at identifying the linguistic modes and the visual modes in the cartoons to convey the meaning and the explicit message or implied message. For this purpose, two theories are adopted; Systemic Functional Linguistics Theory by Halliday (1994) to analyze linguistic modes and multimodal approach by Kress and Van

Leeuwen (1996, 2006) to analyze visual modes or images in cartoons. The research data was obtained from Usik-Usik cartoon book (Koleksi Sinikal Dunia Pendidikan). The findings indicate that language text is a linguistic modes that acts as an effective multimodal element and complement the visual modes in the cartoon work. Furthermore, the findings of the study also show that the role of linguistic modes is to provide the context in the cartoon work as additional information so that the reader can understand the messages to be communicated more clearly.

Keywords: *linguistic modes, visual modes, Systemic Functional Linguistics Theory*

PENGENALAN

Gambar, imej atau visual sangat sesuai untuk menyebarkan idea atau mesej kerana mudah menarik perhatian pembaca. Secara amnya, dipercayai bahawa gambar meninggalkan kesan yang lebih lama di minda pembaca atau penonton berbanding kata-kata yang didengar atau dibaca (Yamirudeng & Osman, 2018). Penyataan ini disokong oleh Goddard (2002) bahawa imej membantu dalam memberikan pemahaman yang menyeluruh terhadap teks, mengarahkan perhatian kepada objek, landskap atau orang yang digambarkan dan mempengaruhi cara teks berinteraksi dengan pembaca (Ghazali & Abdul Halim, 2020). Menurut Mitchell (2005), kelekaan masyarakat kini dengan imej media telah membentuk satu budaya umum yang memperlihatkan pengurangan penggunaan dan penerapan bahasa ke dalam imej. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Yuszaidy dan Muammar Ghaddaffi (2015) tentang impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia yang mendapati bahawa ledakan teknologi maklumat yang semakin pesat membolehkan dunia internet menawarkan pelbagai kemudahan seperti teks, grafik, imej, audio, interaktif dan video. Kehebatan internet memberikan kemudahan yang cepat dan pantas, iaitu pada masa yang sama merangkumi media yang lain seperti surat khabar, majalah, radio dan televisyen. Aplikasi internet yang hebat dengan keupayaan turut mengambil alih fungsi pelbagai media yang sedia ada, namun dilihat semakin kurang menitikberatkan penerapan bahasa dalam imej, grafik, audio dan video dalam menyampaikan sesuatu idea atau mesej. Sebaliknya, medium konvensional seperti kartun, komik, buku bergambar dan kad-kad permainan didapati masih memenuhi kriteria sebagai medium yang mengguna dan menerapkan bahasa ke dalam imej atau gambar bagi menyampaikan mesej, idea dan maklumat yang dikehendaki. Hal ini demikian kerana sifat semula jadi dalam perlukisan watak manusia, alam dan binatang serta persekitaran yang digarapkan bersama-sama bahasa yang indah menjadikan karya seperti kartun dan buku bergambar mudah diterima oleh orang ramai.

Seni kartun memainkan peranan yang penting dalam masyarakat moden hari ini sebagai satu medium untuk menyampaikan idea dalam lakaran yang satirikal dan humor (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2003). Selain itu, seni kartun juga dapat digunakan untuk menyatakan pendapat, membina hujah-hujah berharga, dan memberikan pengetahuan khusus mengenai isu sosial semasa (Sani *et al.*, 2012; Bakri *et al.*, 2020). Seterusnya, kartun juga digunakan secara meluas dalam pengajaran subjek bahasa, sains, Pendidikan Islam dan subjek-subjek lain di sekolah. Secara visual, impak kartun adalah segera (Bahrani dan Soltani (2011)). Dengan kombinasi perkataan dan gambar, kartun mampu menarik perhatian dan minat pelajar di samping membantu pemahaman, menyuntik semangat terhadap pembelajaran, memperbaiki tingkah laku dan menambah produktiviti serta kreativiti.

Keberkesanannya kartun sebagai wahana dalam penyampaian maklumat, penyebaran idea dan memberikan hiburan adalah berkaitan dengan multimodal yang terdapat di dalamnya. Dari perspektif multimodal, imej, perlakuan, tulisan dan lain-lain dirujuk sebagai ‘mod’ yang terbentuk dalam sumber semiotik untuk menyampaikan makna. Hal ini diperkuahkan lagi dengan pendapat Jewitt (2014) yang menyatakan bahawa multimodaliti menyampaikan makna melalui konfigurasi imej, *gestures*, renungan, postur badan, bunyi, tulisan, muzik, ujaran dan sebagainya. Kajian multimodaliti dapat diaplิกasikan dalam pelbagai bidang analisis seperti analisis kartun, komik, karikatur, iklan, muzik, sains, kaunseling, psikologi, patung, bahasa serta tradisi yang terdapat dalam sesuatu budaya dan etnik. Selain itu, kedua-dua elemen visual dan bahasa yang terdapat dalam multimodaliti dianggap sebagai medium penting untuk pembinaan makna. Justeru, teks multimodaliti merupakan teks yang menyampaikan maklumat melalui pelbagai mod termasuk imej visual, elemen reka bentuk, bahasa

dan sumber semiotik yang lain (Jewitt & Kress, 2003). Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan representasi watak kartun guru dalam menangani isu-isu dunia pendidikan.

POLEMIK PENYELIDIKAN KARTUN

Terdapat banyak kajian kartun yang telah dijalankan bagi mengkaji topik kajian dalam perspektif masing-masing. Topik kajian kartun telah dijalankan berdasarkan pendekatan, disiplin ilmu dan data kajian yang berbagai-bagai. Kebanyakan kajian lepas menumpukan penyelidikan berlandaskan teori-teori tertentu seperti teori psikologi, teori semiotik, teori humor dan sebagainya yang lebih menjurus kepada kajian tentang genre kartun, sejarah dan perkembangan bidang kartun, tema dan persoalan dalam pelukisan kartun yang bermatlamat humor mahupun politik dan sering mengabaikan aspek kajian berkaitan mod verbal, mod visual dan mod linguistik dalam karya kartun itu sendiri.

Secara umumnya, penyelidikan topik kajian lalu telah dilakukan berdasarkan tiga disiplin utama yang dapat pengkaji kelompokkan kepada (i) kajian perspektif multimodal, (ii) kajian perspektif linguistik dan (iii) kajian perspektif semiotik. Kajian perspektif multimodal ialah kajian kepelbagaian modaliti dari pelbagai sudut. Terdapat kajian multimodal yang memberi tumpuan kepada mod linguistik dalam perspektif asas komunikasi bagi menyerlahkan mesej dan imej yang dikaji dan terdapat juga kajian multimodal yang melibatkan mod visual dan mod verbal. Hal ini bermaksud pengkaji-pengkaji ini mengkaji sama ada mod linguistik, mod visual mahupun mod verbal secara bersinggan atau secara bersama dalam pelbagai sumber data seperti iklan dan kartun. Sementelahan objektif utama kajian multimodal adalah untuk menganalisis komponen-komponen yang terdapat dalam mod linguistik, mod visual dan mod verbal dalam sumber data yang digunakan. Memandangkan tumpuan kajian hanya diberikan kepada komponen dan mod tertentu sahaja, maka dapatkan kajian yang dilakukan oleh mereka adalah tidak menyeluruh.

Kajian perspektif linguistik pula ialah kajian bahasa yang melihat elemen verbal yang berfokus kepada metafungsi bahasa dalam Teori Sistemik Fungsional Linguistik oleh Halliday (1994). Dalam konteks kajian ini, kajian dilakukan dengan menggunakan sama ada metafungsi interpersonal, metafungsi ideasional ataupun metafungsi tekstual untuk menganalisis elemen verbal daripada pelbagai data. Matlamat kajian dalam perspektif linguistik adalah untuk memperlihatkan bahawa elemen verbal dapat diselidiki dengan menggunakan mana-mana metafungsi bahasa yang terkandung dalam teori SFL. Dapatkan kajian keseluruhan perspektif linguitik adalah metafungsi bahasa yang digunakan tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh elemen verbal yang dikaji tanpa melibatkan pendekatan atau teori-teori yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa kajian perspektif linguistik masih terbatas dan terhad dalam membincangkan elemen verbal yang terdapat dalam pelbagai sumber atau data kajian.

Sementara itu, kajian perspektif semiotik dapat dikategorikan kepada dua jenis, antaranya ialah kajian semiotik dan kajian semiotik sosial atau kajian semiotik sosial visual. Kajian semiotik sosial adalah kajian terhadap sumber semiotik iaitu multimodal yang secara asasnya dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mod linguistik dan mod visual. Kajian semiotik sosial bertujuan untuk mendeskripsikan mod linguistik seperti elemen verbal (lisan) dan menganalisis mod visual yang melibatkan aspek bukan bahasa seperti *gesture* (isyarat), kinetik (gerakan) dan lain-lain. Tujuan utama kajian semiotik sosial adalah untuk membuktikan bahawa multimodal sebagai sebuah prosedur analisis harus digunakan untuk menganalisis teks yang menggunakan lebih dari satu mod semiotik, sementara kajian semiotik pula melibatkan penggunaan indeks, objek dan tanda (simbol) sebagai indikator kajian. Kajian persepektif semiotik sosial dilihat paling hampir dengan kajian pengkaji kerana melibatkan mod visual dan mod linguistik. Namun begitu, kajian perspektif semiotik juga memperlihatkan ketidaksempurnaan kerana sumber semiotik yang lain seperti wacana, gaya dan genre tidak diberi fokus dalam kajian.

Sebagai rumusan polemik ini dengan berpandukan objektif dan dapatan kajian ketiga-tiga disiplin yang dibincangkan, didapati bahawa masih terdapat kelompongan, jurang dan kekurangan dalam perspektif kajian-kajian tersebut. Oleh itu, artikel ini menumpukan kepada proses menganalisis kartun sisipan dalam akhbar mingguan. *Kartun Usik-Usik (Koleksi Sinikal Dunia Pendidikan)* telah dihasilkan oleh kartunis Khazim dan disiarkan dalam suratkhabar Utusan Melayu (M) Berhad antara tahun 2003 hingga tahun 2009 dan diulang terbitannya sebagai sisipan akhbar sehingga kini. Koleksi

Kartun Usik-Usik ini bukan ilham kartun biasa kerana kartunisnya cuba menterjemahkan isu-isu semasa dunia pendidikan yang menghiasi dada akhbar ke dalam bentuk kartun bermesej yang berkonsepkan sindiran dan teguran.

OBJEKTIF

- (a) Menjelaskan mod linguistik dan mod visual yang terdapat dalam *Kartun Usik-Usik* menggunakan pendekatan multimodal integrasi.
- (b) Menghuraikan inferens multimodal yang wujud berhubungan dengan mesej tersirat di sebalik mod linguistik yang terdapat dalam *Kartun Usik-Usik*.
- (c) Menganalisis proses penggunaan mod visual yang menghasilkan makna dalam *Kartun Usik-Usik*.

DISIPLIN BIDANG MULTIMODALITI

Secara umumnya, analisis multimodal dapat ditakrifkan sebagai analisis sarana komunikasi yang menggabungkan antara mod visual dan mod bahasa. Norris (2004) mengatakan bahawa semua interaksi adalah multimodal. Kajian multimodal menerapkan seluruh interaksi sama ada interaksi verbal mahupun interaksi visual. Jewitt (2014) menjelaskan bahawa multimodal adalah satu pendekatan inovatif untuk representasi, komunikasi dan interaksi yang melangkaui bahasa untuk mengkaji pelbagai cara manusia berkomunikasi, iaitu melalui imej, bunyi dan muzik kepada gerak isyarat, postur badan dan penggunaan ruang. Bezemer dan Mavers (2011) pula mentakrifkan multimodal sebagai satu pendekatan antara disiplin yang memahami komunikasi dan representasi lebih daripada sekadar bahasa. Kajian multimodal dapat diaplikasikan dalam pelbagai bidang analisis seperti analisis kartun-komik-karikatur, iklan, muzik, sains, kaunseling, psikologi, patung serta tradisi yang terdapat dalam sesuatu budaya dan etnik.

Pada asalnya, multimodal adalah satu daripada cabang kajian Sistemik Fungsional Linguistik (SFL) yang dijalankan oleh Halliday (1994) dan telah dikembangkan lagi oleh Kress dan van Leeuwen dalam *The Grammar of Visual Design* (1996, 2006). Pendekatan untuk menganalisis visual dan tekstual telah diungkapkan dalam rangka multimodal seperti yang diusulkan dalam *The Grammar of Visual Design*. Pada tahun 2006, Kress dan van Leeuwen telah merangka metodologi analisis visual semiotik sosial multimodal berdasarkan Sistemik Fungsional Linguistik. Mengikut teori SFL, multimodal terdiri daripada tiga metafungsi, iaitu metafungsi ideasional, metafungsi interpersonal dan metafungsi tekstual. Manakala dalam Semiotik Sosial, multimodal dikategorikan kepada tiga komponen iaitu makna representasi, makna interaktif dan makna komposisi.

Oleh sebab multimodal lebih terarah kepada aplikasi daripada sebuah teori, ianya memerlukan teori-teori lain untuk tugas menganalisis (Bezemer dan Jewit, 2010). Terdapat pelbagai pendekatan dan teori untuk mengkaji multimodal. Jewitt (2014), mengkategorikan pendekatan Multimodal kepada tiga pendekatan utama: iaitu (i) pendekatan semiotik sosial untuk analisis multimodal yang dikaitkan dengan Kress dan van Leeuwen (Kress dan van Leeuwen, 2001; van Leeuwen, 2005), (ii) pendekatan Tatabahasa Sistemik Fungsional (SFL) multimodal terhadap analisis wacana yang dikaitkan dengan O'Toole, Baldry dan Thibault, dan O'Halloran, (O'Halloran, 2004, 2005, 2011) dan (iii) analisis multimodal interaksional yang dikaitkan dengan Scollon dan Scollon, dan Norris (Scollon dan Scollon, 2003; Norris, 2004, 2012). Antara tiga pendekatan tersebut hanya pendekatan semiotik sosial yang berkembang maju. Berlandaskan kapasiti tersebut, tumpuan artikel ini lebih berfokus kepada proses mengaplikasikan pendekatan semiotik sosial oleh Kress dan van Leeuwen (dikenali juga sebagai semiotik sosial visual) bagi meneliti amalan multimodal kartun dalam kajian ini.

Kajian Lepas Berkaitan Multimodal Dalam Media Cetak

Mengkaji multimodal dalam media cetak tidak dapat lari daripada mengkaji mod visual dan mod linguistik dalam akhbar, majalah, novel, cerpen, komik, kartun dan buku. Kajian multimodal yang melibatkan tokoh politik berbentuk kartun telah dilakukan oleh Conners (2010) dalam kajiannya yang bertajuk “*Barack versus Hillary: Race, Gender, and Political Cartoon Imagery of the 2008*

Presidential Primaries". Conners (2010) mengkaji representasi Barack Obama dan Hillary Clinton di dalam imej kartun politik semasa pilihan raya Presiden pada tahun 2008 dengan memberi tumpuan khusus kepada tema bangsa dan jantina. Melalui pengamatan, kajian ini sungguhpun berjaya mengetengahkan struktur atau makna representasi yang terdapat dalam pendekatan Multimodal, namun masih belum memadai kerana tidak menyeluruh, iaitu aspek analisis yang dilakukan tidak melibatkan proses konseptual yang merupakan sebahagian daripada makna representasi.

Kajian seterusnya adalah dilakukan oleh Rohani Embong dan Hanita Hassan (2013) yang bertajuk "*The Representations of Tun Dr. Mahathir in Lat's Cartoons in Addressing Issues of International Affairs*" menganalisis kartun Tun Dr. Mahathir yang dilukis oleh Lat. Objektif kajian mereka adalah menganalisis kaedah Tun Dr. Mahathir mengurus hubungan antarabangsa. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Multimodal (Kress dan van Leeuwen, 1996) untuk menganalisis elemen visual dan teori Sistemik Fungsional Linguistik yang dikembangkan oleh Halliday (1985) untuk menganalisis elemen linguistik. Jumlah data yang terlibat ialah dua kartun editorial yang dilukis oleh Lat melalui akhbar tempatan yang bertemakan hal ehwal antarabangsa. Data dianalisis dari perspektif visual dan linguistik. Analisis data visual menggunakan pendekatan Multimodal sementara analisis linguistik menggunakan Teori Sistemik Fungsional Linguistik sebagai alat analisis. Namun begitu, kajian ini hanya meneliti mod visual dalam kartun Lat sebaliknya tidak meneliti kepelbagaiannya metafungsi lain seperti interpersonal dan tekstual. Hal ini demikian kerana komponen ini tidak berkaitan secara langsung dengan objektif kajian yang memfokuskan kepada mesej atau makna representasi Tun Dr. Mahathir yang dapat diperoleh daripada jenis proses (*process types*) dan *participants*. Pengkaji juga hanya berpandukan kepada dua kartun editorial, iaitu data kajian adalah terhad dan tidak meluas.

Kajian-kajian Lepas Berkaitan Multimodal Dalam Media Elektronik

Seterusnya, adalah kajian teks multimodal yang melibatkan media elektronik. Satu daripada teks yang memiliki kerumitan makna ialah iklan, baik iklan media cetak maupun iklan media elektronik. Stoian (2013) menjalankan kajian yang berjudul "*Tourism and Technology: A Multimodal Analysis of Online Heritage Promotion*". Kajian ini menganalisis teks multimodal dalam 3 laman sesawang yang mempromosikan tempat-tempat bersejarah di Eropah. Melalui pengamatan pengkaji, kajian yang dilaksanakan oleh Stoian (2013) hanya menumpukan kepada mod visual dan mod tekstual tanpa menyatakan teori yang terlibat dalam kajian tetapi lebih kepadauraian berbentuk deskriptif sepenuhnya. Sungguhpun dinyatakan terdapat penggunaan analisis multimodal dalam kajian ini, namun elemen-elemen dalam multimodal tidak diuraikan secara jelas.

Selain dikaji melalui laman sesawang, rangkaian teks multimodal yang semakin meningkat di dalam pelbagai media turut diselidiki melalui genre muzik dan filem. Kajian terhadap video muzik yang bertemakan alam sekitar jarang menjadi subjek penyelidikan walaupun persekitaran yang menumpukan kepada video muzik telah berkembang sejak sedekad yang lalu dan meskipun kesannya diiktiraf oleh generasi muda. Antara tokoh yang mempelopori bidang kajian multimodal dalam genre muzik ialah Carmen Daniela Maier dan Judith Leah Cross (2014). Kajian oleh mereka yang bertajuk "*A Multimodal Analysis of The Environment Beat In A Music Video*" mengadaptasikan pendekatan Multimodal dalam pengumpulan data dan analisis. Melalui pengamatan pengkaji, kajian yang dilaksanakan oleh Carmen Daniela Maier dan Judith Leah Cross (2014) ini agak menarik dan bersesuaian dengan video muzik yang dikaji namun kajian oleh mereka ini hanya berfokus kepada analisis masa dan ruang dalam lagu *Earth Song* berbanding aspek multimodal yang lain.

Kajian-kajian Lepas (Kajian Multimodal Dalam Pedagogi)

Dalam bidang pedagogi pula, Jewitt (2008) yang mengkaji multimodal dan literasi dalam kelas menyatakan bahawa adalah perlu untuk berubah daripada pandangan monomodal dalam literasi kerana multimodal boleh membantu menyokong tugas pedagogi dalam membina pemahaman pelajar terhadap sistem multimodal yang luas skopnya. Carey Jewitt, Gunther Kress, Jon Ogborn dan Charalampos Tsatsarelis (2010) dalam kajian yang bertajuk "*Exploring Learning Through Visual, Actional and Linguistic Communication: The Multimodal Environment Of A Science Classroom*" menekankan bahawa pembelajaran dapat diwujudkan melalui interaksi antara komunikasi visual,

tindakan dan linguistik (iaitu pembelajaran adalah multimodal) dan melibatkan transformasi maklumat merentasi sistem (mod) komunikatif yang berbeza, misalnya dari ucapan kepada imej.

Kajian ini merumuskan bahawa perspektif multimodal mampu menawarkan beberapa mesej baru untuk amalan pengajaran sains dan mencadangkan agar penyelidikan yang memberi tumpuan kepada pembelajaran dan pengajaran sebagai proses linguistik semata-mata, tidak akan dapat memahami sepenuhnya pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah dan dengan demikian akan menafikan kerja bukan linguistik oleh guru dan murid. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kajian yang dibuat oleh Carey Jewitt, Gunther Kress, Jon Ogborn dan Charalampos Tsatsarelis (2010) dilihat cukup bersistematik dengan menggunakan analisis pendekatan semiotik sosial. Namun, kajian oleh mereka ini tidak menyerlahkan mod linguistik secara terperinci berbanding mod visual atau imej.

METODOLOGI

Bagi artikel ini, reka bentuk kajian adalah bersifat deskriptif kualitatif. Menurut Mohd. Majid (2005), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kaedah deskriptif penting bagi mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa, perkembangan, atau pengalaman, manakala, penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif adalah dalam bentuk temubual, pemerhatian atau analisis dokumen. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Data akan dinalisis menggunakan Teori Multimodaliti (Kress dan Van Leeuwen, 1996).

Teori ini mengambil konsep Linguistik Sistemik Fungsional (Kress dan Van Leeuwen, 1996). Teori ini digambarkan sebagai satu kaedah untuk analisis semiotik sosial komunikasi visual (Kress dan Van Leeuwen, 1996). Teori ini membantu dalam menganalisis dan mengenal pasti mesej yang tertanam dalam mod (cara) yang berbeza, misalnya visual dan bunyi, dan cara mesej disampaikan. Selari dengan Linguistik Sistemik Fungsional, teori ini terdiri daripada tiga komponen, iaitu *compositional* (komposisi), *interpersonal* (antara perorangan) dan *representational* (perwakilan). *Compositional* dikaitkan dengan metafungsi teks (*textual metafunction*), komponen *interpersonal* adalah selari dengan metafungsi interpersonal (*interpersonal metafunction*) dan *representational* adalah selari dengan metafungsi ideasional (*ideational metafunction*).

DESKRIPSI TEKS KARTUN BERDASARKAN TEORI MULTIMODALITI

Dalam bab ini, analisis deskriptif dilakukan secara berperingkat, iaitu termasuk membaca dialog atau teks pada kartun secara menyeluruh untuk memahami maknanya, menentukan Mood dan *Residu* dalam metafungsi interpersonal, untuk setiap unit klausu dalam teks (dialog) dilihat elemen kebahasaan yang terkandung di dalamnya yang terdiri daripada subjek dan *finite* (kata kerja bantu). Seterusnya, dalam mengenal pasti *residu*, elemen seperti kata tanya (*Wh- Interrogative*), vokatif, komen (*modal- adjunct*) dan kata perintah (*Imperative- Let's*) turut diberi tumpuan. Akhirnya diteliti makna representasi yang terdapat pada mod visual melalui beberapa proses seperti proses naratif dan proses konseptual.

Analisis data kajian akan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu (i) analisis data berdasarkan metafungsi interpersonal di bawah mod linguistik, (ii) analisis data berdasarkan makna representasi di bawah mod visual dan (iii) analisis mesej tentang isu-isu dunia pendidikan yang tersirat di sebalik kartun sisipan. Kesemua huraian terhadap analisis yang dilakukan meliputi elemen-elemen di bawah metafungsi interpersonal dan makna representasi. Dalam konteks ini, teks dianalisis berdasarkan leksikal yang terdapat dalam teks yang dikaji selain imej atau visual. Menurut Sarudin et al. (2019a, 2019b), kajian berdasarkan leksikal dapat memerlukan pendeskripsian makna dengan lebih jelas apabila ianya dikupas dari sudut linguistik.

Analisis Deskriptif Berlandaskan Metafungsi Interpersonal

Dalam menjalankan analisis data, terlebih dahulu penjelasan tentang kaedah penghuraian mod linguistik berasaskan Teori SFL (1994) dilakukan. Tatacara menganalisis data kajian berlandaskan metafungsi interpersonal melibatkan dua peringkat, iaitu peringkat pertama, analisis tentang sistem

Mood. Peringkat kedua adalah analisis tentang Residu (*Residue*). Menurut Halliday (1970), metafungsi interpersonal adalah penggunaan bahasa untuk berinteraksi antara pengguna bahasa. Klausula mempunyai makna pertukaran dalam interaksi yang melibatkan pembaca atau penonton (Halliday & Matthiessen, 2004: 106).

Metafungsi interpersonal menganalisis klausula kepada elemen Mood yang terbahagi kepada dua, iaitu Subjek dan Kata Bantu (*Finite*). Selain elemen Mood, elemen kedua yang terkandung dalam metafungsi interpersonal ialah elemen Residu. Subjek adalah terdiri daripada pelaku (*participant*) yang terdapat dalam sesuatu imej, sama ada objek bernyawa atau objek tidak bernyawa, individu atau kumpulan, institusi, tempat ataupun konsep abstrak. Manakala Kata Bantu (*Finite*) dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Dalam konteks kajian ini, pengkaji merujuk pencirian kata bantu berdasarkan buku Tatabahasa Dewan (2008) dengan mengambil pendekatan bahawa kata bantu menerangkan kata kerja dari dua sudut makna mengikut makna yang didukung oleh kedua-dua jenis kata bantu, iaitu (i) kata bantu aspek yang menerangkan aspek waktu bagi kata kerja, dan (ii) kata bantu ragam, yang menerangkan ragam perasaan bagi kata kerja.

Kata bantu aspek ialah bentuk kata yang menimbulkan perbezaan masa, iaitu sama ada masa lampau, masa ini atau masa hadapan. Bentuk-bentuk kata bantu aspek adalah *telah, sudah, baru, pernah, sedang, masih, akan, mula, dan belum*. Kata bantu ragam pula ialah bentuk kata yang menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan, seperti *hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat, enggan, patut dan mungkin* (Tatabahasa Dewan, Edisi Ketiga, 2008: 258-259). Contoh pengkategorian kata bantu aspek dan kata bantu ragam berdasarkan Tatabahasa Dewan (2008) adalah seperti jadual di bawah;

Jadual 1:Kata Bantu Aspek

Sudah dilakukan	Sedang dilakukan	Belum dilakukan
sudah		
telah	sedang	
pernah	masih	
baru	mula	
		belum
		akan

Jadual 2:Kata Bantu Ragam

<i>mesti</i> melakukan	<i>hendak</i> melakukan	<i>berkeupayaan</i> melakukan
harus	enggan	boleh
patut	mahu	dapat
mesti	hendak	
	mungkin	

Sementara itu, metafungsi interpersonal boleh dianalisis melalui jenis-jenis kata atau ayat. Jenis-jenis kata atau ayat dapat dibahagikan kepada empat, bergantung pada intonasi atau lagu bahasa dan juga tujuannya. Empat jenis kata atau ayat yang dimaksudkan ialah kata komen atau ayat penyata (*declarative mood*), kata tanya atau ayat tanya (*interrogative mood*), kata perintah atau ayat perintah (*imperative mood*) dan vokatif (*vocative*) atau ayat seruan (Tatabahasa Dewan, Edisi Ketiga, 2008: 351). Empat jenis kata atau ayat tersebut dikenali sebagai Residu (*Residue*), iaitu analisis peringkat kedua di bawah elemen metafungsi interpersonal.Berdasarkan pencirian metafungsi interpersonal yang dilakukan, maka proses analisis dari perspektif mod linguistik diyakini mampu diperhalusi dan dikupas dengan lebih komprehensif.

Analisis Deskriptif Berlandaskan Makna Representasi

Analisis mod visual kartun dapat dikupas melalui struktur atau makna representasi. Makna representasi dapat dibahagi kepada dua kategori, iaitu kategori pertama terdiri daripada Proses Naratif yang meliputi proses tindakan, proses reaksi, proses ucapan dan proses mental, dan proses keadaan. Kategori yang kedua ialah Proses Konseptual, yang terdiri daripada proses klasifikasi, proses analitikal dan proses simbolik. Analisis mod visual yang berpandukan pencirian makna representasi tersebut adalah lebih lengkap dan terperinci.

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kerangka kerja analisis visual yang diperkenalkan oleh Kress dan van Leeuwen melalui *The Grammar of Visual Design* (1996, 2006). Pendekatan untuk menganalisis visual dan tekstual telah diungkapkan dalam rangka multimodal seperti yang diusulkan dalam *The Grammar of Visual Design*. Pada tahun 2006, Kress dan van Leeuwen telah merangka metodologi analisis visual semiotik sosial multimodal berdasarkan Teori Sistemik Fungsional Linguistik.

Kerangka kerja analisis visual ini bersifat metafungsi dan dibangunkan untuk menganalisis imej bercetak seperti iklan dalam surat khabar, susun atur (*layouts*) majalah dan buku bergambar. Mod visual yang terdapat pada multimodal kartun diutarakan melalui makna representasi yang akan dianalisis berdasarkan proses naratif dan proses konseptual. Proses naratif bermaksud proses pemerihalan sesuatu keadaan. Di bawah proses naratif terdapat proses tindakan, proses reaksi, proses ucapan dan proses mental, serta proses keadaan. Proses keadaan dapat pula dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu penetapan, bererti dan iringan. Manakala, proses konseptual pula dikategorikan kepada proses klasifikasi, proses analitikal dan proses simbolik.

Mengikut Teori Semiotik Sosial, multimodal terdiri daripada tiga komponen, iaitu makna representasi (*representational meaning*), makna interaktif (*interactive meaning*) dan makna komposisi (*compositional meaning*). Komponen makna representasi menyerupai metafungsi ideasional, sementara makna interaktif menyerupai metafungsi interpersonal, dan makna komposisi menyerupai metafungsi tekstual yang terdapat dalam Teori SFL. Secara ringkasnya, persamaan atau kesepadan antara metafungsi yang terdapat pada Teori SFL dan istilah semiotik sosial ditunjukkan di Jadual 3. Analisis data akan dilakukan berdasarkan perspektif mod visual dan perspektif mod linguistik secara integrasi.

Contoh pencirian makna representasi berdasarkan pendekatan multimodal adalah seperti Jadual 3;

Jadual 3: Pencirian Makna Representasi

Bil.	Jenis Proses	Ciri Umum
1	Proses Naratif	<ul style="list-style-type: none">- mempunyai vektor (biasanya terdiri daripada garis pepenjuru yang boleh terdiri daripada bentuk atau anggota badan, kontak mata atau alat-alat lain yang bermaksud “disambungkan ke”, “bergabung untuk” atau “berkaitan dengan”- imej membolehkan penonton atau pembaca wujud dalam cerita kerana imej mempunyai vektor gerakan.- memerihalkan proses berkaitan ‘berlaku’ atau ‘melakukan’.- dapat dibahagikan kepada empat kategori; proses aksi, proses reaksi, proses lisan dan mental dan proses keadaan.
2	Proses Konseptual	<ul style="list-style-type: none">- tidak melibatkan vektor.- imej tidak mempunyai vektor.- pelaku diwakili (<i>represented participants</i>) cenderung memberitahu penonton konsep ‘siapa’ atau ‘apa’ yang diwakili oleh mereka.- menggambarkan proses ‘menjadi’ atau ‘mempunyai’- mewakili pelaku dari segi kelas, struktur atau makna.- dapat dibahagikan kepada tiga kategori; proses

pengelasan (*classificational process*), proses analitikal (*analytical process*) dan proses simbolik (*symbolic process*).

Sumber : Dipetik daripada Kress dan van Leeuwen (1996, 2006)

Analisis Mod Visual



Gambar 1:GK1

Analisis multimodal mod visual dalam kajian ini bertumpu kepada komponen representasi yang terdiri daripada pelaku (partisipan) dan jenis proses. Pelaku boleh terdiri daripada manusia, tempat, atau benda, manakala jenis proses boleh dikategorikan kepada proses naratif atau proses konseptual. Sejajar dengan jenis proses Halliday (1994), konseptual adalah proses ‘menjadikan sesuatu’, manakala naratif adalah proses ‘melakukan sesuatu’ (Halliday and Matthiessen, 2004). Jenis proses dalam kartun ditentukan dengan mengenal pasti garis-vektor mata para peserta dalam kartun. Dengan kata lain, jika terdapat garis vektor mata, proses itu ditentukan sebagai tindak balas naratif atau transaksional sementara ketiadaan garis vektor mata menunjukkan proses itu sebagai proses konseptual atau juga dikenali sebagai reaksi tidak transaksional (Rohani Embong, Hanita Hassan dan Noor Aireen Ibrahim, 2016). Pengenalpastian jenis proses dan peserta membantu untuk mentakrifkan makna imej dari segi apa yang sedang berlaku, siapa yang terlibat, bila dan di mana tempat berlaku.

Berdasarkan GK1, makna representasi yang dianalisis jelas menunjukkan bahawa representasi guru lelaki atau pelaku seorang yang tegas namun dalam masa yang sama berlembut hati kerana masih boleh bersabar dengan sikap pelajar ‘lembut’ yang bukan sahaja gagal menyiapkan kerja sekolah malahan berperangai mengada-ngada. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ‘lembut’ tersebut, namun kita boleh andaikan bahawa pelajar itu tidak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan. Dalam hal ini, proses mental dan proses tindakan berlaku melalui representasi pelaku atau guru lelaki tersebut. Bukti dapat dikaitkan dengan gelembung fikiran (*thought bubble*) dalam DGK1A2, iaitu;

“ Aik! Belum kena dah nangis! Ni yang aku lemah nak menghukum pelajar lembut ni … ”

Selain itu, berdasarkan GK1 proses mental dan proses tindakan turut berlaku melalui pelaku atau watak Pengetua atau Guru Besar yang mengintai di luar kelas. Sebagai seorang pentadbir sekolah, seseorang Pengetua (Guru Besar) biasanya akan melakukan rondaan dari kelas ke kelas untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan. Perlakuan pelajar ‘lembut’ yang menjerit apabila hendak dirotan telah menarik perhatian Pengetua (Guru Besar) untuk mengintai kejadian yang sedang berlaku. Sehubungan dengan itu, perasaan curiga dan tindakan mengintai di tepi pintu oleh Pengetua (Guru Besar) tersebut dapat dikaitkan dengan proses mental dan proses tindakan. Hal ini dapat dibuktikan dengan wujudnya gelembung fikiran (*thought bubble*) dalam DGK1A3:

“ Fuh! Ingatkan ada kes dera tadi”

Dalam GK1 di atas, watak pelajar *lembut* diletakkan di sebelah kiri gambar dan dia dengan mudah dapat dikenal pasti sebagai pelajar *lembut* dari isyarat visual, misalnya dari segi perlakuan tangan dan kakinya yang diangkat sebelah apabila dirotan oleh gurunya. Di samping itu, isyarat linguistik yang terdapat dalam gelembung fikiran (*thought bubble*), ‘Aik! Belum kena dah nangis! Ni yang aku lemah nak menghukum pelajar *lembut* ni …’, memberikan petunjuk lanjut untuk membantu pembaca menggambarkan karakter Pengetua (Guru Besar) melalui posisinya di tengah-tengah gambar antara guru lelaki dan murid-murid yang lain tetapi badannya berada di luar kelas. Menurut Kress dan van Leeuwen (1996), item yang diletakkan di tengah-tengah, bersambung dengan item yang diletakkan di sebelah kiri dan kanan. Oleh itu, hal ini bermakna penempatan posisi Pengetua (Guru Besar) di tengah-tengah gambar adalah untuk menyatakan bahawa dia bertindak sebagai perantara antara guru lelaki dan pelajar *lembut* tersebut. Begitu juga, dia juga mudah dikenal pasti sebagai seorang pentadbir sekolah atau Pengetua (Guru Besar) melalui gambaran pemakaian dan ciri fizikalnya yang bertali leher, bercermin mata empat segi, bermisai dan kepala botak sedikit.

Selain itu, dapat diperhatikan juga akan kewujudan vektor mata dari Pengetua (Guru Besar) kepada guru lelaki, garis vektor mata antara guru lelaki tersebut dan murid-murid lain yang berada dalam kelas. Garis vektor mata menandakan kehadiran proses naratif dalam imej visual (Kress dan van Leeuwen, 1996). Kehadiran proses naratif membuktikan wujudnya proses tindakan, proses reaksi, proses pertuturan dan mental dan proses keadaan dalam GK1. Manakala isu pendidikan yang hendak diketengahkan dalam GK1 adalah tentang kewujudan golongan lelaki *lembut* dalam masyarakat turut membawa tempias kepada keadaan di sekolah sehingga menimbulkan situasi yang kurang menyenangkan dalam kalangan murid dan guru.

Analisis Mod Linguistik

Analisis mod linguistik dalam kajian ini adalah berdasarkan metafungsi interpersonal yang melibatkan sistem Mood dan Residu. Contoh analisis dapat dirumuskan seperti Jadual 5 berikut;

Jadual 5: Analisis Mod Linguistik

DGK1A1

Pelajar	mahu	pendekatan <i>lembut</i>	untuk guru menghukum pelajar.	Subjek	kata
bantu ragam	predikat (<i>Finite</i>)		adjung (kata pelengkap)	Residu:	Ayat

Penyataan/Komen (*Declarative Mood*)

DGK1A2

Aik!	Belum kena	dah nangis!	
Vokatif (Ayat Seru)	kata bantu aspek	kata bantu aspek	
Ni yang aku lemah	nak	menghukum pelajar <i>lembut</i> ni	
subjek kata bantu ragam predikat			
Residu: Vokatif (Ayat Seru)			

DGK1A3

Fuh! Ingatkan ada kes dera tadi ...

Vokatif (Ayat Seru)

Residu: Vokatif (Ayat Seru)

Sebagai rumusannya, contoh analisis data tersebut hanya melibatkan gambar pertama atau GK1. Kaedah analisis data ini boleh juga digabungkan atau dijalankan serentak antara analisis mod linguistik dan mod visual. Namun, untuk tujuan memudahkan pemahaman, analisis dilakukan secara terpisah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis yang dilakukan oleh pengkaji mampu menjelaskan bagaimana mod visual dan mod linguistik yang terdapat dalam karya kartun dapat dianalisis secara integrasi melalui pendekatan multimodal di samping memerihalkan secara komprehensif mesej dan isu-isu berkaitan dunia pendidikan yang tersirat pada bahan kajian. Lebih menarik, teks bahasa didapati melengkapkan mesej visual, iaitu teks bahasa bertindak sebagai lanjutan kepada elemen visual. Dalam erti kata lain, fungsi teks bahasa adalah untuk menyediakan konteks untuk iklan dengan menambah maklumat tambahan, oleh itu pembaca dapat memahami mesej daripada imej yang ditonjolkan

RUJUKAN

- Bahrani, T. & Soltani, R. (2011). The pedagogical values of cartoons. *Research on Humanities and Social Sciences*. 1(4), 19-22.
- Bakri, M. F., Osman, Z., Sarudin, A. & Mohamed Redzwan, H. F. (2020). Analisis keupayaan pelajar dalam pembinaan semula kurikulum Bahasa Melayu Asas bagi pelajar antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1): 65 -76.
- Bezemer, J. and Jewitt, C. (2010). *Multimodal Analysis: Key Issues. Research Methods in Linguistics*. London: Continuum.
- Connors, J. L. (2010). Barack Versus Hillary: Race, Gender, and Political Cartoon Imagery of the 2008 Presidential Primaries. *American Behavioral Scientist*. 54(3): 298-312.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Goddard, Angela (2002). *The Language of Advertising: Written Texts*. London: Routledge.
- Halliday, M.A.K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar*. Second Edition. London: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K. and Webster, J.J (2009). *The Essential Halliday*. London and New York: Continuum.
- Halliday, M.A.K. and Matthiessen, C. (2004). *An Introduction to Functional Grammar. Third Edition*. London: Edward Arnold.
- Hanita Hassan. (2012) *Multimodal Communication of Corporate Website Design*. Skudai: UTM Press.
- Jewitt, C (2008). Multimodality and literacy in School classrooms. *Sage Journals, Review of Research in Education*. 32(1), 241-267
- Jewitt, C (ed) (2014). *The Routledge Handbook of Multimodal Analysis*. London: Routledge.
- Kress, G. and van Leeuwen, T. (1996, 2006). *Reading Image- The Grammar of Visual Design*. London: Routledge.
- Kress, G. and van Leeuwen, T. (2001). *The Modes and Media of Contemporary Communications*. London: Arnold.
- Jewitt, C, Kress, G, Ogborn, J and Tsatsarelis,C. (2010). Exploring Learning Through Visual, Actional and Linguistic Communication: The Multimodal Environment of A Science Classroom. *Educational Review*, 53(1): 5-18.

- Kress, G. (2014). ‘What is mode?.’ In Jewitt, C (ed) (2014). *The Routledge Handbook of Multimodal Analysis*. London: Routledge, 60-75.
- Mitchell, W.J.T (2006). *What Do Pictures Want?: The Lives and Loves of Images*. Chicago and London: University of Chicago Press.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy dan Muammar Ghaddaffi (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(2): 33-46.
- O’Halloran, K.A.(Ed). (2006) *English Grammar in Context. Book 2: Getting inside English*.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2003). Pendekatan sosiokognitif dalam seni kartun: Kajian kes kartun Lat. *Jurnal Bahasa*, 3(3): 433-456.
- Rohani Embong, Hanita Hassan & Noor Aireen Ibrahim (2016). The representations of leadership by example in editorial cartoons. *Jurnal Komunikasi*. 32(1): 625-650.
- Sani, I., Abdullah, M.H., Ali, A.M. dan Abdullah, F.S (2012). The role of humor in the construction of satire in Nigerian political cartoons. *Online Journal of Communication And Media Technologies*, 2(3): 148-165.
- Sarudin, A., Mohamed Redzwan, H. F., Osman, Z., Raja Ma’amor Shah, R. N. F., & Mohd Ariff Albakri, I. S. (2019a). Menangani kekaburuan kemahiran prosedur dan terminologi awal Matematik: Pendekatan leksis berdasarkan Teori Prosodi Semantik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2): 255-294.
- Sarudin, A., Mohamed Redzwan, H. F, Osman, Z., & Mohd Ariff Al-Bakry, I. S. (2019b). Using the Cognitive Research Trust scale to assess the implementation of the elements of higher-order thinking skills in Malay Language teaching and learning .*International Journal of Recent Technology and Engineering(IJRTE)*, 8(2S2): 392-398.
- Stoian, C.E. (2013). Tourism and technology: A Multimodal analysis of online heritage promotion. *Professional Communication and Translation Studies*, 6(12): 109-118.
- Tatabahasa Dewan, Edisi Ketiga, (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Leeuwen, T. (2008). *Discourse and Practice: New Tools for Critical Discourse Analysis*. Oxford: Oxford University Press.
- Yamirudeng, K., & Osman, Z. (1). Pembangunan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Elektif Berdasarkan Pendekatan Pengajaran Secara Kontekstual. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 74 - 117. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/40>
- Zuraini Ramli (2016). Kepelbagai Modaliti Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dwibahasa. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 156-169.